

Rakyat diminta pertahanan kedaulatan tanah air

Sri Paduka mahu masyarakat bantu kerajaan tangani isu keselamatan

BH - 19/6/2007.

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

SHAH ALAM: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin meminta pelbagai lapisan rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan kaum bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang mengancam kedaulatan negara.

Baginda bertitah, berdasarkan isu keselamatan global dan serantau ketika ini, rakyat perlu bersedia mempertahankan negara daripada ancaman musuh yang mengganggu ketenteraman dan keamanan.

Titah baginda, tanggungjawab memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terus terpelihara bukan sekadar digalas pasukan keselamatan dan kerajaan saja, malah menjadi tanggungjawab rakyat.

"Sumbangan positif setiap lapisan masyarakat pasti akan terus menjamin kemakmuran dan kesejahteraan negara," titah baginda sempena Istiadat Perbarisan Diraja Pentaulia-

han Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-26, di Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini semalam.

Pada majlis itu, 1,060 anggota Palapes dari 12 IPTA seluruh negara ditauliahkan sebagai Pasukan Askar Wataniah Tentera Darat, Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Pasukan Simpanan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Tuanku Mizan mahu anggota Palapes yang menerima pentauliahan sebagai anggota simpanan pasukan keselamatan memupuk semangat patriotisme masyarakat yang tinggal berdekatan tempat mereka bertugas.

Baginda juga bertitah, istiadat pentauliahan bertemakan Mahasiswa Perkasa Aset Keteguhan Negara itu sesuai dengan konteks semasa.

Baginda memberi contoh Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

yang bertujuan memupuk dan melahirkan Lulusan sekolah yang dinamik dari segi akademik dan sahsiah diri.

"Beta berharap semua pihak terbahit komited terhadap program PLKN bagi mencapai objektif yang disasarkan," titah baginda.

Tuanku Mizan bertitah, Palapes

FAKTA NOMBOR

Pentauliahan Palapes ke-26

1,060

Penerima tauliah

12

IPTA terbahit

yang diperkenalkan sekitar 1980-an berjaya menyuburkan semangat patriotisme penuntut universiti dan berharap Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengajian Tinggi melakukan penambahbaikan terhadap program itu.

Titah baginda, program Palapes perlu disokong dan didukung dengan lebih efektif kerana ia membantu IPTA melahirkan pelajar lebih berdisiplin, sahsiah tinggi dan berketrampilan.

"Beta berharap usaha diteruskan bagi menarik lebih ramai pelajar pelbagai kaum mengikuti program Palapes, sekali gus meningkatkan semangat muhibah melalui latihan yang berteraskan 'Espirit de Corps'," titah baginda.

Sementara itu, Palapes Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih pasukan perbarisan terbaik pada istiadat pentauliahan, diikuti Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).